

Tema

Tema bagi novel Cempaka Putih Untukmu ialah persahabatan ikhlas dua kaum. Melalui watak utama Hartini (Tini) dengan Satiah (Tiah), persahabatan dua orang murid yang berbezaan kaum sungguh intim sehingga terjalinlah hubungan dua keluarga yang menganggap anak pihak yang lain sebagai anak angkat mereka. Walaupun Satiah yang berbangsa orang asli dan berkeluarga miskin, keluarga Hartini melayaninya dengan mesra dan mengambil berat segala keperluannya termasuk kos perubatan dan pelajaran. Persahabatan dan persaudaraan Hartini dengan Satiah sungguh erat sehingga sayang-menyayangi dan mengambil berat antara sama lain sehingga Satiah menemui ajal.

Persoalan

Persoalan **kasih sayang sesama manusia**. Contohnya Papa (Encik Hasrul) dan mama (Sarah) mengambil berat terhadap anak angkat dan sanggup menanggung kos perubatan Satiah ketika dihantar ke hospital.

Persoalan **Kegigihan untuk Menuntut Ilmu**. Contohnya walaupun berada di pedalaman yang serba kekurangan, murid-murid di Sekolah Menengah Kuala Batu tetap berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam PMR, seperti Satiah. Walaupun sering sakit, Satiah sanggup menghadapi penderitaan fizikal dan berjaya memperoleh 8 A.

Persoalan **penagihan dadah dalam kalangan remaja** juga dipaparkan dalam novel ini. Sebagai contoh, anak sulung perempuan Pak Morit telah menagih dadah sehingga mati akibat menghidap penyakit AIDS. Seterusnya Mak Usu kepada Hartini dan anak lelaki ketiga Mak Leha juga sering ditahan polis kerana menagih dadah. Lebih-lebih lagi, pelajar di asrama sekolah juga terlibat dalam penagihan dadah, seperti Junainah dan rakannya Salha.

Persoalan **kepercayaan terhadap dukun dalam kalangan kaum orang asli** juga dikemukakan. Contohnya Pak Morit sangat percaya kepada dukun dan menolak perubatan moden. Dia tidak membenarkan Encik Hasrul menghantar Satiah ke hospital walaupun keadaan Satiah semakin tenat.

Persoalan **tidak berputus asa akan membuahkan hasilnya**. Contohnya Hartini tidak berputus asa dan bersungguh-sungguh untuk merayu Pak Morit yang degil supaya setuju menghantar Satiah ke hospital. Sikap Hartini yang ikhlas dan gigih telah mempengaruhi Pak Morit sehingga bersetuju.

Persoalan **kasih sayang dan prihatin ibu bapa terhadap anak** juga ditunjukkan dalam novel ini. Papa dan mama sentiasa sayang dan mengambil berat terhadap pelajaran dan perasaan anak mereka. Ketika Hartini ditahan polis kerana disyaki terlibat dalam penagihan dadah, papa telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menyiasat perkara itu sehingga membuktikan bahawa Hartini tidak bersalah dan dibebaskan oleh polis.

Persoalan tentang **muafakat sesama ahli keluarga** juga dikemukakan oleh penulis dalam novel ini. Sebelum berpindah ke pedalaman Pahang akibat Encik Hasrul dipindah tugas, sekeluarga Hartini telah berbincang dan bermuafakat tentang perkara ini, malah papa (Encik Hasrul) turut meminta pandangan Hartini.

Persoalan **persahabatan yang ikhlas** juga dipaparkan dalam novel ini. Persahabatan Hartini dan Satiah sangat intim dan kukuh. Mereka bukan sahaja bersama-sama berjuang dalam pelajaran, tetapi juga mengambil berat antara satu sama lain. Hubungan mereka bagai cempaka putih yang harum.

Persoalan Hormat dan taat kepada ibu bapa. Contohnya Satiah hormat dan taat kepada ibu bapanya sehingga tidak berani menentang bapanya yang melarang dia menerima perubatan moden.